

10 JUL 1996

Ghali

AMERIKA MAHU CALON WANITA JADI SETIAUSAHA AGONG PBB

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 10 Julai (Bernama) -- Amerika Syarikat yang menolak tawaran Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Boutros Boutros-Ghali untuk memegang jawatan itu bagi penggal kedua bersedia menerima idea calon wanita dari Asia atau Eropah untuk mengisi jawatan itu mulai 1997.

Jurucakap Jabatan Negara Nicholas Burns hari ini berkata Amerika menghormati tradisi PBB tetapi buat pertama kali dalam sejarah PBB adalah tidak mustahil sekiranya memilih seorang calon daripada sejumlah wanita yang layak dari Asia dan Eropah.

Tawaran Boutros-Ghali untuk memegang jawatan itu bagi tempoh lima tahun lagi dibantah keras oleh beberapa negara termasuk Malaysia. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan menyokong Boutros-Ghali kerana beliau gagal melaksanakan tanggungjawabnya memimpin badan dunia itu.

Dr Mahathir berkata sikap tidak tegas Boutros-Ghali telah menyebabkan ramai yang terbunuh dalam peperangan di Bosnia.

"Kita tidak percaya Boutros-Ghali dapat menjalankan tugasnya sebagai Setiausaha Agung PBB," kata Perdana Menteri.

Penggal bagi ketua PBB itu akan berakhir 31 Dis ini dan beliau dikatakan cuba mendapatkan sokongan dari negara-negara Asia untuk dipilih semula.

Burns berkata Amerika akan mengambil tindakan perlu termasuk menggunakan kuasa vetonya dalam Majlis Keselamatan PBB bagi memastikan Boutros-Ghali tidak dilantik untuk penggal kedua.

"Kami tidak mengambil langkah ini sewenang-wenangnya. Kami berbuat demikian kerana mengambil berat terhadap masa depan pertubuhan itu yang kami percaya gagal dalam beberapa misi utamanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk di Bosnia," kata Burns.

Beliau juga menuduh PBB menjalankan satu "organisasi yang lembab dan tidak berkesan."

Adalah mudah untuk difahami kenapa Boutros-Ghali tidak popular di Amerika. Ketua PBB itu telah menyalahkan Washington terhadap masalah yang dihadapinya dan mendesak Amerika bertanggungjawab terhadapnya. Beliau juga mencadangkan supaya peruntukan PBB untuk Amerika dipotong daripada 25 kepada 20 peratus.

Burns mendakwa bahawa satu daripada setiap empat dollar yang disumbangkan kepada PBB datangnya daripada pembayar cukai Amerika dan kerana itu Amerika mempunyai "hak mutlak untuk bercakap mengenai kebajikan PBB, mengenai masalah di PBB, dan kami berhak untuk mencari pengganti yang dapat menerajui organisasi ini." -- BERNAMA

SH WE RON